



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4  
Tarikh : 2 Oktober 2025

## PEKELILING AKADEMIK BIL. 35/2025

### Semua Pelajar Program ASASipinter Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

### PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2025/2026 PROGRAM ASASipinter

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026 Program ASASipinter akan diadakan mulai **8 hingga 14 Disember 2025**.

2. Semua pelajar perlu membuat pengesahan kursus dan jadual waktu peperiksaan melalui <https://www.ukm.my/smpweb> mulai **20 Oktober hingga 2 November 2025**. Tindakan yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membaca dan melengkapkan borang **AKU JANJI PELAJAR** di SMPWeb;
- ii) Menyemak dan membuat pengesahan ke atas semua kursus yang didaftarkan dan draf jadual peperiksaan akhir bagi semester semasa. Sekiranya semua maklumat adalah tepat dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, pelajar perlu menekan butang "**SAH**"; dan/atau
- (i) Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan atau **tiga (3) peperiksaan dijadualkan berturut-turut dalam satu hari**, pelajar perlu menyenaraikan kursus terlibat dan memaklumkan kepada kepada Ketua Penolong Pendaftar di Pusat PERMATA@Pinter **Negara selewat-lewatnya pada 3 November 2025**.

3. Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, segala butiran kursus yang direkodkan dianggap betul dan lengkap.

...2/



4. Pelajar juga akan dikenakan denda lewat pengesahan masuk peperiksaan sebanyak **RM15.00**. Bayaran denda tersebut hendaklah dilakukan melalui SMPWeb mulai tarikh akses dan cetakan **Kad Masuk Jadual Peperiksaan (KMJP)** dibuka.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**BASIR BIN BAHIR**


Timbalan Pengarah (Governans Akademik)

b.p. Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah  
Pusat PERMATA@Pintar Negara
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat
  - Ketua Penolong Pendaftar  
Pusat PERMATA@Pintar Negara
  - Ketua Unit Kewangan Pelajar  
Jabatan Bendahari

-2-



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451  
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik